

# Najib terkejut duit masuk akaun peribadi

**KUALA LUMPUR 29 Mei** - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kelihatan terkejut selepas mengetahui terdapat transaksi kemasukan wang daripada akaun syarikat Ihsan Perdana Sdn. Bhd. ke dalam akaun AmPrivate Banking-1MY miliknya.

Menurut Pengarah Urusan Ihsan Perdana, Datuk Dr. Shamsul Anwar Sulaiman, beliau melihat reaksi begitu di raut wajah Ahli Parlimen Pekan itu dalam satu pertemuan di kediamannya di Langgak Duta selepas beliau dibebaskan daripada reman.

Saksi pendakwa ke-37 itu pernah ditahan reman selama lima hari pada tahun 2015 bagi membantu siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Dalam pertemuan itu, saya bercerita tentang tahanan reman dan soal siasat oleh SPRM terhadap saya. Beliau kelihatan terkejut dan kecewa selepas mengetahui seseorang memasukkan wang ke akaunnya.

"Beliau tidak tahu siapa yang masukkan wang itu dan

kenapa ia dilakukan melalui syarikat saya (Ihsan Perdana)," katanya ketika menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib ketika pemeriksaan balas.

Perbicaraan kes berkaitan penyelewengan dana syarikat SRC International Sdn. Bhd berjumlah RM42 juta memasuki hari ke-20 hari ini.

Saksi itu turut mengulangi keterangan sama ketika pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi bahawa bekas Presiden UMNO itu benar-benar terkejut selepas mengetahui perkara (transaksi) tersebut.

Biarpun begitu, Dr. Shamsul Anwar mengakui Najib tidak memintanya membuat sebarang laporan polis atau kepada SPRM berhubung perkara tersebut.

Dalam pada itu, saksi dalam keterangannya berkata, semua program kerja-kerja tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah Ihsan Perdana adalah idea Najib.